


Taiwan

THE HEART OF ASIA

Taiwan Tourism Bureau KL
Wisma Goldhill, 67 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Website : taiwan.net.my
Instagram : @taiwantourismbureaumalaysia
Facebook : <https://www.facebook.com/tbrockl>
Tel : 03-2070 6789 E-mel : tbrockl@taiwan.net.my



DIARIKU DI TAIWAN BERSAMA AYDA JEBAT

Salam Taiwan

DIARIKU DI TAIWAN

/ BERSAMA AYDA JEBAT /

DESTINASI SENSAI MESRA MUSLIM



DUTA SALAM TAIWAN
Salam Taiwan

\ JOM KE TAIWAN! /



Dari Ayda buat semua

“Tak Kenal,
Maka Tak Cinta”

Apabila saya ditawarkan untuk menjadi duta pelancongan ke Taiwan, saya agak ragu-ragu juga. "Macam mana nak yakinkan semua untuk memilih Taiwan sebagai destinasi percutian?"

Tapi bila dah melawatinya selama hampir 2 minggu, satu je perasaan yang tercetus... saya dah jatuh cinta kepada Taiwan! Terima kasih kepada Biro Pelancongan Taiwan kerana telah memberi saya peluang yang tak dapat dilupakan ini.

Kepada peminat semua - jom, ikuti diari perjalanan saya, dan anda semua akan bersetuju - Taiwan memang destinasi percutian yang amat menarik!

Ayda Jebat



Kenapa Taiwan



Mesra Muslim

Terdapat banyak tempat makanan halal dibawah pemantauan Persatuan Cina Muslim, Pusat Halal Taiwan dan Persatuan Islam Taiwan - termasuklah mee daging Taiwan yang popular itu!



Vibrant

Pencinta alam. Penggemar aktiviti lasak. Penggemar kebudayaan tradisi. Berteman. Bersendirian. Tak kira siapa, pasti ada sesuatu untuk semua.

| SEMUANYA ADA! |



Nikmati detik-detik romantik bersama si dia. Dari keindahan metropolitan, hingga ke pantai yang mendamaikan, memang sempurna untuk berbulan madu!



SEMARAKKAN CINTA!

Salam
+
Taiwan

Trending



Kaki membeli-belah, peminat mainan "Anime", pencinta "streetwear" terkini, dan penggemar watak "Cosplay" tersohor - bersedialah! Taiwan bagai syurga trend unik dan terkini!



Sebuah pulau empat musim yang banyak kelebihannya...



10 Perkara menarik mengenai Taiwan



ADA BANYAK KEISTIMEWAAN,
TAPI INI YANG PALING UTAMA!



1

Kadar Jenayah Rendah - antara 10 negara paling selamat di dunia - sempurna untuk melancong secara bersendirian!



2



3



4



Kebersihan Taiwan memang terpuji! Warga Taiwan amat berdisiplin dalam hal menjaga kebersihan.

Alam Semula Jadi mengagumkan, dari pemandangan matahari terbenam hingga udara segar!

Budaya Pasar Malam sebenarnya bermula dari Taiwan!



5



6

Gaya permakanan sihat menjadi amalan penduduk di sini – tapi tetap lazat!



7



8

Reka bentuk bangunan unik – kehalusan ukiran budaya cina digandingkan dengan kemodenan!

Snek jalanan amat popular di sini, termasuk yang halal dan mesra muslim.



10

Kawasan membeli-belah yang luas dengan pelbagai pilihan "streetwear" terkini dan jenama terkenal antarabangsa.



Peta Perjalanan Saya



1 TAOYUAN



2 MIAOLI



3 TAICHUNG



4 CHIAYI



Berikut adalah peta lokasi yang sempat saya kunjungi. Bermula dari Taoyuan yang indah dan mengasyikkan...




.... hinggalah ke bandar Taipei – metropolitan yang mengagumkan! Masih ada destinasi impian – saya pasti kembali tak lama lagi!



TAIPEI 8

NEW TAIPEI 7



5 KAOHSIUNG



6 NANTOU

GANDINGAN BUDAYA,
ALAM SEMULA JADI
& METROPOLITAN!

BAGAI KUALA LUMPUR!



Taiwan Utara

Taiwan Utara merupakan pintu masuk ke pulau yang indah ini. Sistem pengangkutan awam yang sempurna termasuk kereta api berkelajuan tinggi, pelbagai pilihan tempat untuk membeli-belah, restoran halal, taman awam yang mendamaikan.

Sekiranya anda inginkan kelainan, terdapat pelbagai destinasi berciri kebudayaan dan alam semula jadi yang tidak jauh dari metropolitan ini. Jiufen, Keelung Harbour dan pelbagai lagi destinasi unik yang tidak memiliki kesibukan bandar, menanti!



Tiba di Lapangan
Terbang Antarabangsa
Taoyuan!



Destinasi pertama -
restoran halal yang
menyajikan makanan
Myanmar. Dihadangkan unik!



Imbas Kod QR untuk info
lanjut berkanaan Taiwan Utara.



Dingin. Meriah. Indah



Untungnya siapa yang tinggal di sini!

KAFE TEH GAYA KLASIK TERSOHOR!



Pastikan anda mencuba teh di kafe terkenal di sini.

Hidangan teh herba gaya tradisi!



PERKAMPUNGAN YANG DIKATAKAN MENJADI SUMBER INSPIRASI ANIME "SPIRITED AWAY"!



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Utara





Galeri saya



DESTINASI WAJIB UNTUK INSPIRASI!

Berlatarbelakangkan
gunung yang menghijau
- bagai berada di Brazil!



Keelung Harbour - pantai
yang mencetuskan inspirasi!
Ramai yang mengambil
peluang untuk memancing
di sini.



KERETA API DI CELAH
KEDIAMAN DAN KEDAI!

Shifen adalah sebuah tempat di
mana ramai hadir membawa
harapan. Seronok betul melihat
tanglung yang berterbangan!

Imbas Kod QR untuk info lanjut
berkenaan Taiwan Utara



Masa untuk bershopping!
Saya menjelajahi sekitar
bandar Taipei dengan bas 2
tingkat. Untuk makan
tengahari, kami mencuba
Mee Daging ikonik Taiwan!



KOTA METROPOLITAN
YANG PALING
MENYERONOKKAN!



Imbas kod QR untuk
info lanjut berkenaan
Taiwan Utara




BERSIARAN DI BANDAR
MENAIKI BAS 2 TINGKAT!



Cuaca di sini memang
menyamankan. Rugi kalau tak
berbasikal di beberapa tempat
yang menjadi tumpuan
pelancong.

BERSIAR-SIAR
DENGAN BASIKAL!






Saya sempat menikmati teh di sebuah kafe yang berunsur klasik tapi tetap cool! Terdapat banyak kafe yang unik dengan pilihan minuman dan juadah menarik di bandar ini!



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Utara



BANYAK KAFE YANG "COOL" DI SINI! /



SERONOKNYA MELIHAT PELBAGAI BANGSA DI MASJID! |



Berkunjung ke Masjid terbesar di Taipei.





Berkunjung ke Taiwan ni,
tak sempurna kalau tak
singgah ke pasar
malamnya! Memang besar
dan banyak pilihan!

PASAR MALAM
"LEJEN" MESTI
PERGI TAU?




MEMBELI-BELAH
SAMBIL MENONTON
"BUSKERS"




Imbas Kod QR untuk
info lanjut berkenaan
Taiwan Utara






JOM BERENDAM!

Kolam air panas yang menjadi tumpuan penduduk tempatan juga terdapat di sini.



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Utara



Ximending - Nak cari fesyen "streetwear" berkualiti, permainan "anime" untuk pengumpul tegar, atau menikmati persembahan "busker" - di sinilah tempatnya!



Imbas kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Utara






Taman Negara Yangmingshan
- tempat untuk menyaksikan
pokok sakura yang indah!



MENGASYIKKAN!



MASA UNTUK
MENGENALI
SEJARAH TAIWAN!



Yangmingshan




Kalau nak melihat artifak
dari "Forbidden City Beijing",
anda boleh ke National
Palace Museum ini.

Imbas Kod QR untuk
info lanjut berkenaan
Taiwan Utara



ALAM SEMULA JADI
& REKREASI!

BAGAI JOHOR



① LIHPAO DISCOVERY LAND

② REMAINS OF
LONGTENG BRIDGE

③ LUKANG FOLK ARTS MUSEUM

④ QINGJING FARM

⑤ JANFUSAN FANCY WORLD



Miaoli - lokasi percutian di ladang yang memukau!
Jangan lepaskan peluang untuk berkunjung ke perkampungan budaya tau!

Taichung - pastikan anda tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke pasar bunga di sini. Untuk yang berkeluarga, ada taman tema menanti anda.

Nantou - Kalau ke sini, yang wajib dipergi adalah gunung Hehuan yang setinggi 3,416m! Sambil memberi makan kepada biri-biri berkeliaran, nikmati pemandangan bagai lukisan dengan tasik yang terbentang meluas. Kalau rajin, cubalah bangun seawal 4 pagi untuk menyaksikan matahari terbit di sini - pasti anda mengagumi keindahan ciptaan tuhan.





AMBOI!
SERONOKNYA
BERKELAH
DI SINI!



Kabin macam
dalam cerita kobi!

Kami menginap di sebuah hotel berkonsep kabin yang terletak di ladang penternakan yang menyegarkan.



Seronok betul
memberi makanan
kepada binatang
ternakan sambil
belajar tentang
produk tenusu.



lari lari


Imbas Kod QR untuk info
lanjut berkenaan
Taiwan Sentral



JANGAN GIGIT
SAYA TAU!

Semuanya unik dan cantik di sini!

Galeri saya




Kami kemudian singgah ke sebuah perkampungan tradisi yang dikelilingi taman bunga dan buluh.

Imbas Kod QR untuk info lanjut berkanaan Taiwan Sentral



Saya sempat mencuba proses pewarnaan celup (Dye) dan menikmati roti berwarna - kesemua warna ini dihasilkan dari bunga!

SEDAAAP!



Cantik tak?

NAK LAGI SATU!



ZhongShe Flower Market, memang membuatkan saya terpegun. Bayangkanlah bunga-bungaan cantik seluas mata memandang!


Sayang, ok tak gambar / ambik ni?



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Sentral



Piano di taman bunga!



DAPAT IDEA
BUAT LAGU!



Keesokannya, kami ke taman tema yang amat menarik - Lihpao Discovery Land. "Roller Coaster"nya memang mendebarkan kami!




Jangan lupa untuk menaiki "Ferris Wheel" tertinggi di Taiwan di sini, sambil menikmati pemandangan indah Taichung!



Rasa macam tak nak balik la~

Kemudian, kami menuju ke Gaomei Wetland untuk menikmati pemandangan indah matahari terbenam!




INDAHNYA!

Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Sentral



Destinasi kali ini memang menarik! Kami ke Qingjing Farm di ketinggian hampir 1750m pergunungan HeHuan, Nantou. Seronok (tapi takut-takut) beri makan kepada kambing biri-biri di sana.



Comeinya! Nak bawak balik, boleh?



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Sentral






Paling sejuk! Tapi berbaloi dengan pemandangannya!

Puncak gunung Hehuan di Nantou adalah setinggi 3,416m – pastikan pakai baju tebal dan bawa kopi panas, tau?

Imbas Kod QR untuk info lanjut berkanaan Taiwan Sentral



Indah mengasyikkan tak perlu filter!



BUNGA YANG
BOLEH DI MAKAN!




Rasa macam
di Winchester

Oh ya, saya diberikan bunga yang boleh dimakan! Menarik! Sosnya? Madu!

Terdapat juga bangunan yang berciri inggeris di sini. Cantik sangat!



- (1) ALISHAN TRAIN
- (3) 85 SKY TOWER
- (2) ANPING OLD FORT
- (4) KENTING NATIONAL PARK



Taiwan Selatan


Destinasi yang paling banyak cerita menarik!

Bermula dengan kereta api lama di puncak gunung, menari bersama kaum Tsou di kampung kebudayaan Yuyupas, hingga ke mee daging terlazat yang diusahakan oleh kakitangan di Masjid Kaohsiung!

Jangan lupa untuk mencuba kek nanas ketika berkunjung ke pasar seni di pelabuhan "pisang" Pier Art 2



Mengingatkan saya kepada Fraser's Hill. Cubalah naiki kereta api lama dari stesen kereta api Alishan - pengalaman yang unik.



ROMANTIK
GAYA
KLASIK!




Galeri saya



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Selatan






Berjalan di denai sekitar Alishan ini pula bagai berada di lokasi filem!



Galeri saya



Flora & fauna mengasyikkan!



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Selatan





Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Selatan



Tempat kediaman orang asal dari suku Tsou. Kami menikmati teh segar yang diusahakan di sini, serta juadah tradisi hutan unik mereka. Lazat!



Kami membeli barang kraf tangan menarik sebagai hadiah buat keluarga dan rakan di Pasar Seni Pier 2 (juga dikenali sebagai Pelabuhan Pisang).



Kedua patung ini ada sejarahnya!



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Selatan



BESARNYA KAPAL-KAPAL DI SINI! /

Nikmati kek nanas dan teh percuma di sini – tapi selepas merasainya, pasti nak beli untuk bawa pulang – sedap sangat!



Kaohsiung

Kesenian berlatarbelakangkan Kemodenan





Seronok bila tengok Tren Ringan di tengah bandar Kaohsiung!



Totoro Tunnel

Lokasi ikonik untuk bergambar di landasan tren!
Memang cantik untuk dikongsi di media sosial!



Imbas Kod QR untuk info lanjut berkenaan Taiwan Selatan



Kami sempat berkunjung ke Masjid Kaohsiung – seronok bila melihat kelas agama yang disampaikan oleh Imam yang peramah!



BERTEMU IMAM YANG PALING PERAMAH!



Ps – jangan lepaskan peluang untuk menikmati mee daging halal di restoran bersebelahan masjid – kelazatannya sampai terkenang-kenang!

MAKAN, MAKAN & MAKAN!



Sempat menikmati snek jalanan dan ais kisar (macam ABC) yang paling popular di Kaohsiung, dihidangkan dalam manguk besar untuk 10 orang!



11



西瓜汁
西柚汁



Tak lepaskan peluang untuk menyusuri "Love River" dengan menaiki gondola yang indah!

Imbas Kod QR untuk info lanjut berkanaan Taiwan Selatan






Destinasi terletaknya Hualien – bandar yang paling mendamaikan di seluruh Taiwan.

Ia paling mendapat tumpuan pelancong, dengan pertunjukan belon udara bertaraf antarabangsa, serta lembah marmar yang tidak asing lagi – Taroko Gorge.

Menariknya, sejumlah besar penduduknya adalah terdiri dari kaum orang asal.






Keindahan yang menyegarkan!



Taman Negara Taroko Gorge –
dikelilingi lembah marmar
yang pasti membuatkan
anda terpegun!

Imbas Kod QR untuk
info lanjut berkenaan
Taiwan Timur






Jangan lepaskan peluang untuk mencuba kolam air panas popular yang digelar "losen semula jadi" oleh penduduk tempatan ini!



KEHANGATAN YANG
MENGASYIKKAN

Imbas Kod QR untuk
info lanjut berkeraan
Taiwan Timur



Makanan dan minuman Pilihan saya



Mee Daging



Makanan laut



"Bubble Tea" ikonik



Makanan Organik



Makanan Arab

KEGEMARAN
SAYA!



Susu betik

Buah tangan Pilihan saya



Kek Nanas



Biskut Nougat



Mochi



Kraftangan



Teh hijau herba

PALING RAMAI
ORANG KIRIM!




Wagashi

Hotel mesra muslim pilihan saya



Miaoli

Imbas kod QR
untuk info lanjut
berkenaan hotel ini



Kaohsiung

Imbas kod QR
untuk info lanjut
berkenaan hotel ini



Taipei

Imbas kod QR
untuk info lanjut
berkenaan hotel ini



Nantou

Imbas kod QR
untuk info lanjut
berkenaan hotel ini



Taichung



Imbas kod QR
untuk info lanjut
berkenaan hotel ini

Momen paling manis
buat saya



Mesra Muslim

Pelbagai restoran halal
dan hotel mesra muslim
yang melegakan!



Romantik

Vibrant

Keseimbangan antara
kemodenan dengan
keindahan alam!

Banyak destinasi
sempurna untuk
menyemarakkan
cinta!

Trending

Fesyen, barangan,
gaya dan ragam
terkini!



Ayat untuk anda hafal!

Bahasa Cina

Sebutan Pinyin

Bahasa Malaysia

您好	(Ni Hao)	Apa khabar?
謝謝	(Xie Xie)	Terima Kasih
不客氣	(Bu Ke Qi)	Sama-sama
多少錢	(Duo Shao Qian)	Berapa harganya?
再見	(Zai Jian)	Selamat tinggal
.....在那裡？	(....Zai Na Li ?)	Di manakah....?
請帶我去....	(Qing Dai Wo Qu....)	Sila bawa saya ke....
對不起	(Dui Bu Qi)	Maafkan saya
我不吃豬肉	(Wo Bu Chi Zhurou)	Saya tidak makan daging khinzir

